

Futsal perkukuh jalinan SJA dan UMS

08 30.9.2019 20

KOTA KINABALU: Perlawanan persahabatan futsal di antara Persatuan Wartawan Sabah (SJA) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) memperkukuhkan lagi jalinan kerjasama kedua-dua pihak.

Perlawanan yang berakhir dengan keputusan seri 8-8 itu diadakan di Gelanggang Futsal UMS di sini, baru-baru ini.

Pasukan SJA diketuai oleh Presidennya Muguntan Varnar, manakala pasukan UMS diketuai oleh Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat Dr Jakaria Dasan.

Muguntan berkata, siri perlawanan persahabatan antara aktiviti yang dijalankan SJA menerusi Biro Sukan dan



KENANGAN: Muguntan (kanan) menerima cenderamata daripada Jakaria (kiri).

Rekreasi bagi membolehkan ahli SJA bersukan untuk menjaga kesihatan.

Katanya, perlawanan persa-

habatan sebelum ini diadakan dengan agensi kerajaan termasuklah bola sepak dan boling.

Beliau berkata, aktiviti su-

kan akan diperbanyakkan lagi pada masa akan datang seperti badminton dan aktiviti riadah yang lain.